



LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH DARUL AMAN (LZNK) KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA 2020

Sebut Harga adalah dipelawa secara terbuka kepada kontraktor-kontraktor tempatan yang menjalankan operasi perniagaan di Negeri Kedah (keutamaan kepada Syarikat Bumiputera yang membayar zakat perniagaan/pendapatan dengan LZNK) yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) yang masih berkuatkuasa dan berkelayakan serta berpengalaman untuk menyertai Sebut Harga bagi kerja-kerja berikut:

Maklumat Sebut Harga

NO SEBUT HARGA	BUTIR-BUTIR TAWARAN	PENDAFTARAN CIDB/PKK/SPKK	HARGA DOKUMEN	TAKLIMAT	TARIKH DAN WAKTU TUTUP
LZNK/SH/08/2020	Cadangan Kerja-Kerja Pembinaan Tempat Letak Kenderaan Berbumbung Dan Terbuka Untuk Kenderaan Rasmi Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Untuk Lembaga Zakat Negeri Kedah	T1 – Bumiputera CIDB – G1 Kategori – B02 (Sistem Kerangka Keluli)	RM50.00 Dokumen Meja Sebut Harga boleh dirujuk mulai 18 Oktober 2020 (Ahad)	18 Oktober 2020 (Ahad) 10.00 Pagi Secara atas talian (Online)	28 Oktober 2020 (Rabu) 12.00 Tengah Hari

Tempat Serahan Dokumen Tawaran

Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman Aras Bawah, Menara Zakat, Jalan Telok Wan Jah, 05200 Alor Setar, Kedah Darul Aman. No Tel: 04-7331740	Tarikh Tutup dan Masa :
	28 Oktober 2020 (Rabu) sebelum jam 12.00 Tengah hari

- Semua kontraktor **DIWAJIBKAN** mengikut siaran langsung sesi taklimat pada **18 Oktober 2020 (Ahad)** melalui pautan di **PORTAL PEROLEHAN** pada jam **10.00 pagi**.
- Hanya kontraktor (G1) yang berdaftar dengan **PORTAL PEROLEHAN LZNK** sahaja dibenarkan untuk mengikut taklimat secara online ini.
- Semua kontraktor perlu **MENGESAHKAN KEHADIRAN** untuk mengikut sesi taklimat secara atas talian di **PORTAL PEROLEHAN LZNK** dengan melayari laman sesawang <http://perolehan.zakatkedah.com.my/>
- Kegagalan untuk mengesahkan kehadiran sebelum mengikut taklimat ini dalam masa yang telah ditetapkan akan menyebabkan kontraktor tidak dibenarkan untuk memasuki Sebut Harga ini dan sebarang rayuan berkenaan perkara ini **TIDAK AKAN DILAYAN**.
- Dokumen Sebut Harga akan dijual secara atas talian kepada kontraktor yang mengikut sesi taklimat sahaja serta mempunyai kod bidang berkaitan dan masih sah pendaftarannya.
- Dokumen Sebut Harga boleh dibeli secara atas talian di **PORTAL PEROLEHAN LZNK** dan bayaran bagi Dokumen Sebut Harga tidak akan dikembalikan.
- Kenyataan tawaran ini juga boleh dilihat di laman web rasmi Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman <http://www.zakatkedah.com.my>
- Dokumen Tawaran Sebut Harga yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang telah dilabelkan mengikut tarikh dan tempat sebagaimana tertera di atas. Tawaran yang **LEWAT TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**.
- Kontraktor yang memerlukan penjelasan lanjut mengenai Sebut Harga tersebut, hendaklah menghubungi pegawai berikut:
Bahagian Pembangunan Dan Penyelenggaraan (Teknikal) : – 04-7331740 ext. **205**
Pegawai Perolehan : – 04-7331740 ext. **265 / 019-4941740**